

**Ukom Terengganu Mantapkan Jentera Pilihan Raya Di Kawasan Pembangkang
Bernama
25 Oktober, 2012**

KUALA TERENGGANU, 25 Okt (Bernama) -- Unit Komunikasi Negeri (Ukom) Terengganu memantapkan jentera pilihan raya di kawasan dewan undangan negeri (DUN) yang dikuasai pembangkang, bagi membantu Barisan Nasional (BN) merampas semula kawasan terbabit.

Pengarah Ukom Shamsuddin Sulong berkata usaha dilakukan menerusi Majlis Komunikasi Patriotik yang mendedahkan petugas dan jentera pilihan raya Ukom kepada maklumat terkini sebagai persiapan menghadapi pilihan raya umum ke-13.

"Pada program itu juga jentera pilihan raya diberi motivasi untuk terus berkhidmat dengan baik terutama bagi perayu undi supaya usaha merampas semula kesemua lapan kerusi DUN itu berhasil," katanya kepada Bernama, di sini hari ini.

Menurutnya setakat ini program itu sudah diadakan di tujuh DUN iaitu Ladang, Wakaf Mempelam dan Batu Buruk (kawasan Parlimen Kuala Terengganu), Bukit Tunggai (Kuala Nerus), Manir (Hulu Terengganu), Bukit Payong serta Rhu Rendang (Marang).

Bagi DUN Sura yang terletak dalam Parlimen Dungun pula, program akan diadakan selepas sambutan Aidiladha, katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=704733>